

Ibu bapa, keluarga main peranan penting budayakan nilai integriti

NST 12.12.2014 5

OLEH ERSIE CHELL ANJUMAN

KOTA KINABALU: Ibu bapa dan keluarga memainkan peranan penting dalam membudayakan nilai integriti bagi melahirkan masyarakat muda kelas pertama yang kaya dengan nilai-nilai murni, kata Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Jainab Ahmad Ayid.

Menurutnya, pertumbuhan integriti dalam kehidupan harian penting bagi memastikan negara terus maju ke hadapan sebagai negara yang berdaya saing dan dihormati.

Justeru, semua jentera masyarakat mempunyai tugas dan peranan masing-masing bagi melaksanakan misi nasional ini.

"Saya percaya pembudayaan integriti seharusnya disemai sejak dari kecil oleh ibu-bapa dan keluarga sebelum seorang kanak-kanak itu memasuki alam persekolahan."

"Nilai-nilai murni perlu diterapkan melalui pelbagai pendekatan termasuklah ibubapa menjadi role model sama ada dari segi tingkahlaku ataupun lisan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bertemakan "Integriti Keluarga Tunjang Kesejahteraan Masyarakat".

Jainab turut menegaskan pentingnya ibu bapa untuk tidak mengabaikan kebajikan anak-anak mereka ekoran kesibukan bekerja.

"Ibubapa merupakan pembimbing yang terbaik bagi menentukan hala tuju sesebuah keluarga kerana penerapan keperibadian mulia bermula daripada kestabilan dan kebahagiaan dalam rumah tangga.

"Ibubapa terutama yang bekerja jangan sampai terlupa memberi masa dan kasih



JAINAB (dua dari kiri) memukul gong sebagai tanda perasmian.

sayang kepada anak-anak... Jangan gantikan perkara itu dengan duit kerana generasi muda yang membesar kurang didikan mampu mengundang pelbagai masalah sosial sekaligus merosakkan imej masyarakat dan negara kita," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Mohd Harun percaya membudayakan masyarakat tentang integriti akan memberi keutuhan peribadi yang tinggi.

Menerusi seminar integriti yang dilanjutkan, beliau berharap ia mampu mendorong setiap individu untuk meningkatkan nilai integriti dan keutuhan peribadi agar agenda transformasi Negara dapat dicapai.

"Bagi rakyat di negeri ini, nilai integriti dilihat suatu amalan murni peringkat kepimpinan negeri dalam usaha memastikan seluruh rakyat dapat merasai nikmat pembangunan sama rata seterusnya memberi keadilan sosial yang jitu kepada masyarakat

di sini.

"Seperkara yang amat bernilai, integriti itu ukuran kepada kejayaan transformasi nasional serta menjadi ukuran takat mana keharmonian institusi keluarga besar di seluruh Malaysia.

"Skemanya amat mudah, justeru dalam Pelan Nasional (PIN) sememangnya berprinsipkan nilai jujur, ikhlas, bijaksana, adil, telus, dan syukur yang kesemua nilai-nilai ini bukan sahaja penting kepada penjawat awam dan swasta tetapi dalam konteks yang lebih khusus, yakni institusi keluarga itu sendiri," katanya.

Teks ucapannya itu dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor UMS Profesor Dr. Shariff Abd. Kadir S. Omang Al-Haj.

Turut hadir ialah Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS, Prof. Dr Ismail Ibrahim.